



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.500-1/5/1 Jld.2 (22)
Tarikh : 25 Oktober 2021

**Semua Guru
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur**

Tuan,

ARAHAN HADIR BERTUGAS SUSULAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH DALAM FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan semula institusi pendidikan bawah KPM akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Berdasarkan fasa-fasa PPN dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM, pembukaan sekolah adalah seperti berikut:
 - 3.1. Semua murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) hadir ke sekolah tanpa penggiliran mulai 4 Oktober 2021.
 - 3.2. Semua murid Tingkatan Lima hadir ke sekolah secara penggiliran mulai 18 Oktober 2021.
 - 3.3. Semua murid Tingkatan Tiga dan Tingkatan Empat hadir ke sekolah secara penggiliran mulai 1 November 2021.
 - 3.4. Semua murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua hadir ke sekolah secara penggiliran mulai 8 November 2021.
4. Sehubungan dengan itu, semua guru diarahkan hadir bertugas susulan pembukaan semula sekolah dalam fasa-fasa PPN. Kehadiran guru ke sekolah seperti ketetapan berikut:
 - 4.1 Semua guru PPKI perlu hadir bertugas sepenuhnya di sekolah mulai 4 Oktober 2021.
 - 4.2 Semua guru mata pelajaran Tingkatan Lima perlu hadir bertugas di sekolah mengikut jadual waktu masing-masing mulai **18 Oktober 2021**.
 - 4.3 Semua guru mata pelajaran **Tingkatan Tiga, Tingkatan Empat dan Tingkatan 5** perlu hadir bertugas di sekolah sepenuhnya mulai **1 November 2021**.

.../2

- 4.4 Semua guru mata pelajaran **Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua** perlu hadir bertugas di sekolah sepenuhnya mulai **8 November 2021**.
5. Bagi memastikan pembukaan dan pengoperasian sekolah berjalan dengan lancar semua guru **kecuali guru yang belum mencukupi tempoh matang vaksinasi** dimohon hadir ke sekolah bagi Mesyuarat Khas Guru Bil. 3/2021 seperti arahan memo SMKTP.100-5/1/1/(36) bertarikh 18 Oktober 2021.
6. Semua guru dimohon mematuhi semua Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM semasa hadir ke sekolah bagi menjamin keselamatan dan kesihatan semua warga SETIARA. Semua guru juga dimohon agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) semasa hadir ke sekolah. Semua guru wajib memakai pelitup muka sepanjang tempoh mereka berada dalam kawasan sekolah dan digalakkan memakai pelitup muka berganda dan pelindung muka. Pelitup muka berganda bermaksud pemakaian pelitup muka kain di atas pelitup

Perhatian dan kerjasama semua guru dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur